

**SYARAT -SYARAT PERMOHONAN / PENDAFTARAN  
GERAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
SEBERANG PERAI SELATAN**

1. Borang permohonan / pendaftaran gerai boleh didapati di Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah Dan Tanah, SPS sepanjang masa melalui konsep Pendaftaran Gerai Sepanjang Masa (PGSM) yang diperkenalkan oleh PDTSPS.
1. Walau bagaimanapun pengisian gerai hanya dilakukan oleh pentadbiran ini apabila berlaku kekosongan unit-unit gerai yang berkenaan sahaja. Pentadbiran ini akan membuka tawaran melalui iklan kain rentang yang akan dipamerkan di unit-unit gerai yang berlaku kekosongan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh jawatankuasa Pengurusan Gerai Daerah SPS.
2. Pemohon yang berdaftar serta yang memohon pada tempoh masa tawaran iklan sahaja yang layak dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
3. Permohonan gerai ini adalah terbuka kepada seluruh penduduk negeri Pulau Pinang namun keutamaan adalah diberikan kepada mereka yang menetap di Daerah Seberang Perai Selatan.
4. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap dan disertakan sekeping gambar berukuran pasport.
5. Borang permohonan gerai yang didapati tidak lengkap atau maklumat yang dikemukakan tidak benar akan ditolak.
6. Borang permohonan gerai yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan ke Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah, SPS hari bekerja sebelum atau pada jam 5.00 petang selewat-lewatnya.
7. Pemohon TIDAK AKAN menyewakan premis kepada pihak ketiga. TINDAKAN akan diambil ke atas pemohon jika didapati berbuat demikian.
8. Pemohon perlu maklum bahawa sebarang binaan tambahan di tapak gerai adalah TIDAK DIBENARKAN. Walau bagaimanapun, jika ada keperluan khusus permohonan perlu dibuat untuk pertimbangan.
9. Pemohon perlu memelihara hubungan baik dengan semua jiran gerai dan juga para pelanggan.
10. Sekiranya terdapat permohonan gerai yang diterima melebihi jumlah unit gerai yang ditawarkan maka satu sesi temuduga akan diadakan oleh PDTSPS.
11. Pemohon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga dan keputusan temuduga adalah mukatamad.